



EKSKLUSIF

UMAH JADI 'KILANG' PROSES MAKANAN

REMPEYEK JIJIK

Terdapat wanita warga asing menjadikan sebuah unit pangsapuri sebagai premis memproses rempeyek dan cili piling meresahkan penghuni sekitar. Ini berikutan rumah berkenaan berada dalam keadaan terduduk kotor dengan dipenuhi bekas mengandungi sisa bahan makanan yang tidak dicuci, berkulat dan longgokan sampah di sekitar, lapor Nurul Hidayah Bahaudin

LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

Kuala Lumpur: Rumah yang digunakan untuk memproses makanan seperti rempeyek dan cili giling di Pangsapuri Taman Seri Murni Fasa 2 di sini, sudah diambil tindakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kelmarin.

Ia susulan pendedahan Harian Metro mengenai kegiatan seorang wanita warga Myanmar etnik Rohingnya menyewa sebuah rumah di pangsapuri untuk memproses makanan terbahit.

Difahamkan sepasukan anggota penguatkuasa dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL datang ke rumah membuat pemeriksaan tengah hari, kelmarin.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Seri Murni Fasa 2, Syed Mohd Khusyairi Syed Yaacob berkata, ketika serbuan dilakukan beberapa pekerja warga Myanmar sibuk memasak makanan.

"Terdapat notis sitaan diletakkan di luar rumah oleh pihak DBKL (JKAS) dan di-

DBKL ambil tindakan rumah proses makanan



ANGGOTA penguat kuasa JKAS DBKL membuat pemeriksaan di sebuah rumah dijadikan premis memproses rempeyek dan cili giling di Pangsapuri Taman Seri Murni Fasa 2, Kuala Lumpur.

fahamkan operasi memproses makanan itu dihentikan setakat ini," katanya.

Harian Metro mendedahkan keadaan rumah berke-

naan kotor dan jijik dengan banyak bekas makanan mengandungi tepung dan cili kering diproses di segenap kediaman terbabit.

11.01.2023

HM

m/s 20